

11/03/1998

Platt jumpa Mahathir bincang MSC

PRESIDEN Hewlett-Packard Co. (HP), Lewis Platt dijangka akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 24 Mac depan bagi membincangkan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menurut jurucakap HP Malaysia, kunjungan Platt yang juga Ketua Pegawai Eksekutif HP membuktikan komitmen kukuh terhadap MSC.

Beliau tidak hadir dalam pertemuan kedua Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC di Cyberjaya, bulan lalu.

Pertemuan peribadi Platt dengan Dr Mahathir sudah diberitahu kepada media ketika Timbalan Presiden HP dan Pengurus Besar (Operasi dan Pemasaran), Alex Sozonoff, di pertemuan kedua IAP itu yang mana beliau mewakili Platt.

HP yang sudah bertapak di Malaysia sejak 25 tahun lalu, memiliki pelaburan kira-kira RM5 juta dalam dua syarikat usaha sama MSC.

(END)